

► Mendengar dan Bertutur

Lengkapkan perbincangan berdasarkan maklumat yang diberikan. SP 1.7.1

TIP BERCUTI DI PULAU DAN DI PANTAI

- Memakai pakaian yang sesuai
- Minum air putih yang banyak
- Menggunakan krim pelindung matahari
- Membawa peralatan mandian
- Menyediakan wang yang secukupnya
- Menggunakan beg kalis air

Thaqif, apakah tip semasa bercuti di pulau dan di pantai?

Jika kita bercuti di pulau dan di pantai, kita mestilah memakai (1) _____ untuk melakukan aktiviti di air. Selain itu, kita harus (2) _____ supaya badan kita tidak kekurangan air disebabkan suhu di pantai yang agak panas. Seterusnya, kita perlu (3) _____ untuk melindungi kulit kita daripada sinaran matahari. Di samping itu, kita perlu (4) _____ untuk memudahkan kita membersihkan diri selepas mandi di pantai. Kita juga perlu (5) _____ kerana biasanya kawasan itu jauh daripada mesin juruwang automatik. Akhir sekali, (6) _____ agar barang yang kita bawa tidak basah jika terkena air.



Dengar

Dengar teks perbualan. Kemudian, lengkapkan perbualan.



Audio

Info Ekstra

Barangan yang perlu dibawa apabila bercuti di pulau atau di pantai:

- krim atau losen pelindung matahari untuk melindungi kulit daripada cahaya matahari
- perubatan asas seperti ubat-ubatan peribadi, ubat sengatan serangga, dan ubah penahan sakit
- pakaian renang dan kasut yang selesa
- botol air minuman yang dapat diisi semula
- beg yang kalis air
- peralatan renang dan snorkelling untuk aktiviti snorkeling